



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 14/2021**

KEPERLUAN MENDAPATKAN KEMBALI TUNGGAKAN CUKAI TANAH

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2021**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 14/2021
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 14/2021

Keperluan Mendapatkan Kembali Tunggakan Cukai Tanah

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah berhubung keperluan untuk mendapatkan kembali tunggakan cukai tanah.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Selaras dengan Seksyen 93 Kanun Tanah Negara (Disemak-2020) [*Akta 828*] menyatakan bahawa cukai tanah yang dikenakan bagi setiap tanah bermilik adalah menjadi hutang yang terhutang oleh tuan tanah berdaftar kepada Pihak Berkuasa Negeri. Tanpa prejudis kepada peruntukan-peruntukan di dalam *Akta 828* berkaitan perampasan tanah bagi kegagalan pembayaran tuntutan hasil tanah, Pentadbir Tanah perlu menuntut tunggakan cukai tanah melalui tindakan yang diperuntukkan di bawah seksyen 16 *Akta 828*.
3. Subseksyen 94(2) *Akta 828* memperuntukkan bahawa cukai tanah yang kena dibayar berkenaan mana-mana tahun kalendar hendaklah kena dibayar sepenuhnya mulai 1 Januari hingga 31 Mei pada tahun tersebut. Jika cukai tanah tidak dibayar segera, ianya akan menjadi tunggakan pada hari pertama bulan Jun tahun tersebut (pada hari pertama bulan Julai bagi Negeri Kelantan mengikut Jadual Ke-12 Kanun Tanah Negara).
4. Sebelum tindakan penyampaian Notis Tuntutan di bawah seksyen 97 *Akta 828* diambil oleh Pentadbir Tanah bagi menuntut tunggakan cukai tanah, Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan untuk berbincang dengan Pengarah Tanah dan Galian Negeri terlebih dahulu sama ada tindakan Mahkamah diambil untuk mendapatkan tunggakan cukai tanah sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 16(1)(d) *Akta 828*.
5. Keperluan untuk mengambil tindakan sama ada terus di bawah subseksyen 16(1)(d) *Akta 828* atau terlebih dahulu mengambil tindakan di bawah seksyen 97 *Akta 828* perlu ditentukan melalui satu keputusan dasar oleh Pihak Berkuasa Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, adalah menjadi satu prinsip asas bahawa tunggakan cukai tanah perlu dituntut dan tidak boleh ditangguhkan atau dilupakan oleh Pentadbir Tanah.

PEMBATALAN

13. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 9 Tahun 1974 (Disemak 2007) bertajuk Mendapat Kembali Tunggakan Cukai Tanah adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling ini perlu dibaca bersama Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 1 Tahun 2006 bertajuk Tatacara Penyelesaian Tunggakan Cukai Tanah .

15. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)

KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.6 (17)

Tarikh : 31 Disember 2021